



PENILAIAN ACARA MAL (SIVIL)  
MAHKAMAH SYARIAH NEGERI SABAH  
(KAJIAN KES-KES MAL 1980-1990)

AIDI BIN HAJI MOKHTAR

LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI  
DIPLOMA UNDANG-UNDANG DAN PENTADBIRAN KEHAKIMAN ISLAM

INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY LIBRARY	
ORDER NO:	6157
DATE RECEIVED:	6/9/92 M
ACC. NO:	128750
CALL NO:	


KULIYAH UNDANG-UNDANG  
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA  
PETALING JAYA  
MALAYSIA  
1992

PENGAKUAN

"Adalah diakui bahawa karya ini adalah hasil kerja dan penyelidikan penulis sendiri kecuali nukilan-nukilan atau petikan-petikan yang telah dijelaskan sumbernya".

Jun 25, 1992  
Zulhijjah 26, 1412

.....  
(AIDI BIN HAJI MOKHTAR)



## DEDIKASI

### UNTUK ISTERI DAN ANAK-ANAKKU

Buat isteri ku: jasa, kesabaran dan kecekalan mu ku hargai kerana terpaksa ditinggal-tinggalkan dan ada kalanya terpaksa menghadapi masalah bersendirian dalam menunaikan amanah Allah s.w.t. menjaga dan melayani anak-anak yang berbagai ragam supaya menjadi insan yang salih dan berguna kepada masyarakat.

Buat anak-anak ku (Noor Kasyfe, Mohammad Ikram dan Mohammad Solhi): ketaatan anda yang terpaksa ikut berpindah randah bersama baba ku sanjungi, walaupun konsentrasi anda terhadap pelajaran sering terganggu kerana kerap kali terpaksa bertukar sekolah. Mudah-mudahan apa yang kita lakukan ini berfaedah dan memberi munafaat serta mendapat keridhaan Allah jua.

Walaupun menghadapi berbagai ranjau dan cubaan, alhamdulillah dengan kehendakNya jua, bukan sahaja ku dianugerahkan segulung diploma bahkan aku juga telah dikurniakan seorang anak perempuan yang ku beri nama NOOR SYEFA (anak ku yang keempat) yang dilahirkan pada 6hb Jun 1992.

## ABSTRAK

Kertas Projek atau latihan ilmiah ini cuba meninjau prosedur penghakiman bagi kes-kes sivil (Mal) di Mahkamah Syariah Negeri Sabah. Sehingga kini Mahkamah masih menggunakan Acara Mal yang terdapat di dalam Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 1977. Peruntukannya bolehlah dikatakan terlalu ringkas, sukar untuk difahami dan dilaksanakan. Tegasnya jika keadilan ingin ditegakkan dan kezaliman hendak dielakkan, prosedur yang ada wajarlah diganti dengan prosedur yang lebih up to date dan boleh membawa keadilan semua pihak menurut hukum syarak.

Disebabkan prosedur yang ringkas dan mengelirukan, menyebabkan proses prosiding kerap kali tidak teratur. Hal ini terjadi ke atas beberapa kes di mana kes berkenaan telah diuruskan oleh Mahkamah dengan tidak menurut peraturan. Perkara ini timbul boleh jadi pihak berkenaan kurang memahami prosedur yang ada ketika itu atas sebab-sebab yang dinyatakan di atas.

Nampaknya masyarakat sudah mula pandai berfikir dan menyoal setiap tindak tanduk Mahkamah. Pemikiran mereka sudah berubah tidak seperti dulu. Mereka telah mengikuti arus kemajuan dan perkembangan ilmu pengetahuan yang serba canggih, maka keperluan acara (prosedur) di Mahkamah yang lebih kemas dan canggih juga sewajarnya dilaksanakan segera. Jika tidak Mahkamah sentiasa menjadi momokan masyarakat dan dipandang rendah.

## PENGHARGAAN

Syukur kepada Allah, dengan izin dan hidayahnya, "Kertas Projek" ini telah dapat disiapkan tanpa menghadapi banyak halangan walaupun kesuntukan masa.

Terlebih dahulu suka saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Prof. Dr. Mahmud Saedon Hj. Othman selaku Penyelia Kertas Projek ini kerana banyak memberi bimbingan dan perangsang terutama sekali semasa di kuliah. Tunjuk ajar dari beliau telah banyak memberi kesedaran ke arah meningkatkan mutu perkhidmatan dan imej profesyen yang diceburi.

Orang yang saya tidak lupa ialah Saudara Suwaid Tapa yang telah banyak membantu saya dalam menyiapkan kerja-kerja teknikal Kertas Projek ini. Jutaan terima kasih buat anda kerana sudi meminjamkan komputer anda kepada saya dan saya telah banyak mendapat manfaat darinya sehinggalah kertas projek ini dicetak.

Buat akhirnya, kepada Allah juaku bersyukur kerana dengan izinnya, saya telah dapat menamatkan kursus DAIJ ini dengan sempurna. Wassallam.

SENARAI KES

*Alini bin Liban v. Jaliah bte Yusof*  
[Kes No.33/89] Mahkamah Kadi Bahagian Pantai Barat]

*Amdan v. Ghazali*  
[1983] JH 3, 1222

*Anisuwal bte Mustapha v. Badrin bin Suri*  
[Kes No. 29/88] Mahkamah Kadi Bahagian Pantai Barat]

*Asmah bte Judin v. Judin*  
[Kes No.2/83] Mahkamah Kadi Bahagian Pantai Barat]

*Che Pah @ Olah bt. Ahmad v. Abd.Aziz b. Ahmad*  
[1981] JH II(I), 113

*Dayang Badayah bte Momin v. Jakir bin Zainal*  
[Kes No.01/90] Mahkamah Kadi Bahagian Pantai Barat

*Dg.Huron-In bt. Datu Ibrahim v. Suandi bin Mohd.Bagi*  
[Kes No.MST:0/90/03] Mahkamah Kadi Bahagian Tawau

*Epong bte Jaafar v. Ismail bin Babujang*  
[Kes No.29/89] Mahkamah Kadi Bahagian Pantai Barat]

*Fatimah bte Liakbar v. Ramlie bin Abdullah*  
[Kes No. 6/1981] Mahkamah Kadi Bahagian Pantai Barat]

*Jamilah bte Karim v. Raime bin Mohd. Nor*  
[Kes No.19/84] Mahkamah Kadi Bahagian Pantai Barat]

*Jesmi bte Akhlil v. Masauda bin Ramalstan*  
[Kes No.47/86] Mahkamah Kadi Bahagian Tawau]

*Jid bin Omar v. Norpehia bte Tamin*  
[Kes No.35/89 Mahkamah Kadi Bahagian Pantai Barat]

*Habsah v. Ahmad bin Hamid*  
[1989] JH IV(II), 320

*Hajah Lijah bt Jamal v. Fatimah bte Mat Diah*  
[1950] MLJ 63

*Harijar bte Ali v. Ibrahim bin Kassim*  
[Kes No. MST: 01/89] Mahkamah Kadi Bahagian Tawau]

*Haziah bte Masalun v. Abdullah bin Jaafar*  
[Kes No.7/83] Mahkamah Kadi Bahagian Pantai Barat]

*Husna bte Yatase v. Muslimin bin Bacho*  
[Kes No. 01/89] Mahkamah Kadi Bahagian Pantai Barat]

*Indoh bte Arshad v. Zainal bin Abdullah*  
[Kes No.3/88] Mahkamah Kadi Bahagian Pantai Barat]

*Kamisah bte Amirkasan v. Ajullah bin Patah*  
[Kes No. MKT (K): 01/90/(01)] Mahkamah Kadi Bahagian Tawau]

*Re Kulop Degor dan Lebar v. Niat*  
E.N. Taylor, "Malay Family Law", JMBRAS, Vol.XV, Pt.1  
(1927), hlm.28.

*Mariam v. Setapa*  
[1984] JH 4, 220

*Marisah bte Laten v. Sarto bin Kirtos*  
[Kes No. 3/88] Mahkamah Kadi Bahagian Pantai Barat]

*Mashita v. Hussin*  
[1981] JH II(I), 133

*Norah bte Tharipan v. Rafflis b. Ismail*  
[No.4/1980] Mahkamah Kadi Pantai Barat]

*Normah bte Amzah v. Mah Taha bin Ahmad*  
[Kes. No.15/86] Mahkamah Kadi Bahagian Pantai Barat]

*Nurkiah bte Shalatif v. Mossadeq bin Mohamad*  
[Kes No.54/90] Mahkamah Kadi Bahagian Pantai Barat]

*Panglima bin Jamal v. Salman bte Arim*  
[Kes No. 2/90] Mahkamah Kadi Bahagian Pantai Barat]

*Ramah v. Alpha*  
[1924] 4 FMSLR 179

*Ramah v. Laton*  
[1926] FMSLR 116

*Rokiah v. Abu Bakar*  
[1984] Jh 4, 90

*Ruknah bte Awang v. Mustapha bin Ahmad*  
[Kes Nol. 22/85] Mahkamah Kadi Bahagian Pantai Barat]

*Sakinah Abu al-'Ala v. Azizah Abd.Mukmin*  
[Kes Mal No.145] Mahkamah Rendah Syariah, Kaherah (1935)]

*Saida bt. Sawalung v. Pangiran b. Palallo*  
[Kes No.01/84] Mahkamah Kadi Bahagian Pantai Barat]

*Saudah bte Alisain v. Ibrahim bin Kopong*  
[Kes No.10/89] Mahkamah Kadi Bahagian Tawau]

*Sobat Khalil v. Abd.Rahman Ahmad al-Mahdi*

[Kes No.304] Mahkamah Syariah Abu Qarqas, Mesir (1935) (Kumpulan kes-kes Fasakh Mesir 1930-35) Terjemahan: Mahyuddin Hj.Ahmad Rashid, (kertas Projek) DAIJ, UIA, hlm.47

*Timinah v. Ariffin*

[1984] JH 4, 84

*Ulflah Abd.Rahmad Ulfa v Kadir Muhamad Ali*

[Kes Mal No.346] Mahkamah Syariah Dashna, Mesir (1934)]

*Wainisah bte Ahmad v. Zainal bin Micheal*

[Kes No.3/89] Mahkamah Kadi Bahagian Pantai Barat]

*Zainal Abidin bin Mohamad Nor v. Zuriena bte Abdullah*

[Kes No.24/88 dan Kes Rayuan No. 24/1989] Mahkamah Kadi Bahagian Pantai Barat]

*Zuliyah bte Alyas v. Husin bin Amat*

[Kes No.18/83] Mahkamah Kadi Bahagian Tawau]

SINGKATAN

EPHSNS	- ENAKMEN PENTADBIRAN HUKUM SYARAK NEGERI SABAH
FMSLR	- FEDERATED MALAY STATE LAW REPORT
JH	- JURNAL HUKUM
KAN	- KETUA ANAK NEGRI
LWN	- LAWAN
MUIS	- MAJLIS UGAMA ISLAM SABAH
MLJ	- MALAYAN LAW JOURNAL
MST	- MAHKAMAH SYARIAH TAWAU
NC	- NATIVE COURT
NCR	- NIKAH CERAI RUJUK
PM	- PIHAK MENUNTUT
PKT	- PIHAK KENA TUNTUT
ST	- SABAH TIMES
TYT	- TUAN YANG TERUTAMA
UIA	- UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA
USIA	- UNITED SABAH ISLAMIC ASSOCIATION
YDP	- YANG DIPERTUA

LAMPIRAN

- |        |   |   |
|--------|---|---|
| i]-    | BORANG TUNTUTAN FASAKH                                  | A |
| ii]-   | IKLAN MENURUT PERINTAH                                  | B |
| iii]-  | SAMAN KES SIVIL   | C |
| iv]-   | SURAT PENGAKUAN MENERIMA SAMAN                          | D |
| v]-    | SURAT WAKALAH   | E |
| vi]-   | SURAT PERWAKILAN KEPADA PEGUAMBELA                      | F |
| vii]-  | BORANG CATATAN PERBICARAAN                              | G |
| viii]- | SUMPAH/YAMIN ISTIDZHAR                                  | H |
| ix]-   | PENGESAHAN PENGAKUAN BERSUMPAH                          | I |
| x]-    | PENYATA TUNTUTAN  | J |
| xi]-   | PERINTAH MAHKAMAH                                       | K |
| xii]-  | KEPUTUSAN MAHKAMAH KEPADA PIHAK-PIHAK<br>YANG BERKAITAN | L |
| xiii]- | NOTIS RAYUAN  | M |
| xvi]-  | PROSES RAYUAN   | N |

## KANDUNGAN

ABSTRAK	i
PENGHARGAAN	ii
SENARAI KES	iii
SENARAI SINGKATAN	vi
LAMPIRAN	vii

---

### BAB PERTAMA (PENTADBIRAN HUKUM SYARAK DI NEGERI SABAH)

Pengenalan	1
a)-Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Sabah	
1-Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Sabah 15/1971	3
2- EPHSNS 15/1977	6
3- EPHSNS 15/1977 (pindaan 1981)	10
b)-Institusi Yang Mentadbirkan Hukum Syarak Di Negeri Sabah	17
1-Majlis Ugama Islam Sabah	20
1.1-Unit Nikah Cerai (NCR)	21
1.2-Unit Zakat/Baitulmal	22
2-Mufti (Jawatankuasa Undang-Undang/Fatwa)	22
3-Mahkamah Syariah	26

c)-Institusi Yang Mentadbirkan Hukum Syarak Dalam Islam	29
1.Wilayah (institusi) Al-Madzalim	29
2.Wilayah (institusi) Al-Hisbah	35
3.Wilayah Al-Qada' (institusi kehakiman)	42
4.Tahkim (Majlis Tahkim)	44
5.Fatwa (Majlis Fatwa/Mufti)	53
Kesimpulan	59
Nota Kaki	61

**BAB KEDUA**  
**(BIDANGKUASA MAL (SIVIL) MAHKAMAH SYARIAH NEGERI SABAH)**

Pengenalan	68
1-Peruntukan Undang-Undang	69
1.1-Perlembagaan Malaysia	
a)-Perkara 121 (1A) Pindaan 1988	69
b)-Jadual Kesembilan Senarai dua Butiran satu (Senarai Negeri)	69
1.2-EPHSNS 15/1977	70
2-Bidangkuasa Mal Mahkamah Syariah Negeri Sabah	71
2.1-Mahkamah Kadi	71
2.2-Mahkamah Kadi Bahagian	72
2.3-Mahkamah Rayuan	73
3-Bidangkuasa Mal Mahkamah Syariah Dalam Islam	74
Kesimpulan	76
Nota Kaki	79

**BAB KETIGA**  
**(ACARA MAL (SIVIL) MAHKAMAH SYARIAH NEGERI SABAH)**

Pengenalan	80
1-Acara Mal Dalam EPHSNS 1977	81
1.1-Peruntukan Acara Mal Yang Ada Dan Diamalkan Masa Kini	82
1.2-Kedudukan Acara Mal Masa Kini	89
1.3-Masalah dan Kesulitan Yang Timbul serta Kesannya	91
2-Deraf Enakmen Acara Mal Mahkamah Syariah Negeri Sabah 1992 (yang baru)	93
2.1-Peruntukan	94
2.2-Kedudukan	97
2.3-Prinsip Acara Mal	98
3-Perbandingan Acara Mal Yang Diamalkan Masa Kini Dengan Deraf Enakmen Acara Mal 1992 (yang baru)	107
3.1-Menegak Keadilan	107
3.2-Mengelak Kezaliman	111
Kesimpulan	115
Nota Kaki	116

**BAB KEEMPAT**  
**(KAJIAN KES-KES MAL (SIVIL) MAHKAMAH SYARIAH  
NEGERI SABAH 1980 - 1990)**

Pengenalan	119
1-Pembubaran Perkahwinan (Perceraian)	120
1.1-Fasakh	121
a)-NORAH BTE THARIPAN LWN. RAFFLIS B ISMAIL	121

b)-FATIMAH BTE LIAKBAR LWN. RAMLIE BIN ABDULLAH	122
c)-ASMAH BTE JUDIN LWN. JUMI	124
d)-JAMILAH BTE KARIM LWN. RAIME BIN MOHD. NOR	125
e)-RUKENAH BTE AWANG LWN. MAH TAHA BIN AHMAD	127
f)-NORMAH BTE AMZAH LWN. OSMAN BIN PALEMBANG	128
g)-INDOH BTE ARSHAD LWN. ZAINAL BIN ABDULLAH	130
h)-EPONG BTE JAAFAR LWN. ISMAIL BIN BABUJANG	131
i)-WAINISAH BTE AHMAD LWN. ZAINAL BIN MICHEAL	134
ii)-Hujjah Hukum Syarak Mengenai Fasakh	135
(a)-Prinsip Fasakh Dalam Islam	135
(b)-Suami Tidak Mampu Memberi Nafkah Kepada Isteri Menurut Hukum Syarak	137
(c)-Perbicaraan Seorang Yang Ghaib (tidak hadir di Mahkamah) Menurut Pandangan Islam	140
iii)-Analisa Kes-kes Fasakh	142
a)-Isu-isu Dalam Fakta Kes	143
b)-Prosedur Tuntutan Fasakh seorang isteri terhadap suami yang tidak memberi nafkah	147
c)-Perintah dan lafaz fasakh	152
d)-Kes-kes Rujukan	154
1.2-Ta'alik	155
a)-Ta'alik Menurut Hukum Syarak	156
b)-Analisa Kes-Kes Taalik	
i)- HARIJAR BTE ALI LWN. BERAHIM BIN KASSIM	159

ii)- SAUDAH BTE ALISAIN LWN. IBRAHIM	160
iii)- KAMISAH BTE AMSIR KASAN LWN. AJULLAH BIN PATTAH	161
c)-Kesan Perceraian Secara Taalik Yang Tidak Mengikut Hukum Syarak	162
1.3-FARAQ	165
1.4-Kholo'	172
1.5-LI'AN	174
2-Tuntutan Harta Sepencarian	177
3-Tuntutan Hadhanah	183
i)-Takrif Penjagaan Anak	184
ii)-Kedudukan Ibubapa Sebagai Penjaga	184
iii)-Kedudukan Hak Penjagaan	185
iv)-Tempoh Hadanah	188
4-Tuntutan Nafkah	191
Kesimpulan	194
Nota Kaki	196
Bibliografi	202

## **BAB PERTAMA**

**(PENTADBIRAN HUKUM SYARAK DI NEGERI SABAH)**

## BAB PERTAMA

### (PENTADBIRAN HUKUM SYARAK DI NEGERI SABAH)

#### Pengenalan

Hukum Syarak di Negeri Sabah telah mendapat tempat dan digunakan oleh orang-orang Islam sejak zaman penjajah lagi. Walaubagaimanapun pada masa itu penggunaannya agak terhad dan dalam keadaan tidak teratur. Boleh dikatakan pemakaian hukum syarak ketika itu hanya berkisar mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan pernikahan, perceraian dan kutipan zakat fitrah sahaja.

Pentadbiran hukum syarak mulai disusun sebaik-baik sahaja Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) ditubuhkan pada bulan September, 1971. Untuk menjalankan tanggungjawab perlaksanaan pentadbiran hukum syarak, Bahagian Syariah MUIS telah dibentuk dan bahagian ini telah diketuai oleh S.S. Mufti dan dibantu oleh Imam-imam Daerah dan Imam-imam Qaryah di peringkat daerah dan kampung. Tugas Mufti ketika itu selain daripada mengeluarkan fatwa, dia juga adalah bertanggungjawab memberi nasihat dan bimbingan kepada imam-imam daerah/qaryah dalam melaksanakan tugas mereka khususnya mengenai perkara-perkara yang berhubung dengan masalah perkahwinan/perceraian dan zakat/fitrah pada masa itu.

Pada peringkat awal penubuhan MUIS pada bulan September,

1971, Mahkamah Syariah masih belum diwujudkan. Ini bermakna mahkamah keadilan yang mengendalikan kes-kes yang melibatkan hukum syarak juga belum wujud dan menyebabkan banyak masalah atau pertikaian di kalangan orang Islam tidak dapat di-selesaikan berdasarkan kehendak hukum syarak. Walau bagaimanapun perkara ini telah disedari betapa perlunya Mahkamah Keadilan Syarak diwujudkan sebagai alternatif orang-orang Islam disebabkan kepesatan perkembangan hukum syarak dan keperluan masyarakat Islam itu sendiri di negeri ini. Sebagai tindakan susulan Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Sabah 1971 (EPHSNS) telah dipinda pada tahun 1977 untuk membolehkan Mahkamah Syariah ditubuhkan sebagai satu institusi yang mentadbirkan hukum syarak di negeri berkenaan.

Dalam bab ini akan dijelaskan secara ringkas beberapa institusi yang mentadbirkan hukum syarak di Negeri Sabah ketika ini. Selain daripada itu di akhir bab ini juga akan di-jelaskan beberapa institusi yang mempunyai peranan dalam mentadbirkan hukum syarak. Dalam Islam pentadbiran hukum syarak tidak hanya terhad dan dipertanggungjawabkan kepada Mufti, Mahkamah Syariah dan Bahagian Undang-undang (Unit Nikah/Cerai) Jabatan-jabatan Agama Islam/Majlis-majlis Agama sahaja, bahkan dalam Islam ada beberapa institusi lagi yang bertanggungjawab mentadbirkan hukum syarak. Institusi yang dimaksudkan ialah: Wilayah (Institusi) Al-Madzalim, Wilayah (Institusi) Al-Hisbah, Wilayah Al-Qada (Mahkamah Syariah), Majlis Al-Tahkim dan Al-Fatwa (Mufti). Dengan pembahagian dan pengagihan tugas yang relevan kepada institusi-institusi

yang disebutkan, beban tugas Mahkamah Syariah akan menjadi ringan dan perjalanan hukum syarak akan berjalan licin lagi teratur berdasarkan bidangkuasa dan tugas masing-masing.

#### (a) ENAKMEN PENTADBIRAN HUKUM SYARAK NEGERI SABAH

##### 1. Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Sabah 15/1971

Enakmen ini diwujudkan adalah bertujuan untuk membolehkan satu badan yang diberi nama "Majlis Ugama Islam Sabah" sebagai sebuah badan berkanun di bawah kerajaan negeri untuk mentadbir dan menyelaraskan semua urusan yang berkaitan dengan hal ehwal orang Islam di negeri Sabah.

Sejak zaman penjajah, umat Islam sering menghadapi berbagai masalah terutama dalam menentukan tarikh hari raya. Mereka berbeda pendapat dan seterusnya menimbulkan perselisihan yang begitu serius sehingga menjadi pertelingkahan tahunan<sup>1</sup> setiap kali menyambut hari raya.

Sebenarnya cadangan untuk menujuhkan Majlis Ugama Islam di Sabah telah mula diperkatakan oleh masyarakat Islam di negeri itu sejak tahun enam puluhan. Ini disebabkan perpaduan umat Islam agak terancam akibat perselisihan atau pertelingkahan sesama sendiri terutama sekali dalam hal-hal penentuan tarikh Hari Raya Aidilfitri.<sup>2</sup>

Oleh sebab perselisihan itu begitu serius dan berlanjutan setiap tahun dan segala usaha yang dibuat selama ini gagal menyelesaiannya, timbul keperluan menubuhkan Majlis (MUIS). MUIS diharapkan akan dapat melaksanakan urusan dan tanggungjawab untuk menentukan mula puasa dan hari raya aidilfitri tiap-tiap tahun di samping menjalankan urusan-urusan dan tanggungjawab lain berhubung dengan masalah-masalah keagamaan.<sup>3</sup>

Apabila Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA) ditubuhkan pada tahun 1969, pertubuhan ini memandang berat masalah kebijakan orang-orang Islam di negeri itu. Pada tahun 1971, pertubuhan tersebut telah membuat satu resolusi menggesa kerajaan negeri menubuhkan "MUIS". Resolusi tersebut mendapat sokongan pemimpin-pemimpin beragama Islam dan menjadi satu usul dalam perbahasan Dewan Undangan Negeri Sabah pada 21 Julai, 1971. Usul telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Mohammad Yassin Bin Haji Hashim, Menteri Penyelaras Sabah ketika itu<sup>4</sup> dan beliau juga adalah merupakan Naib Yang Dipertua Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA). Dalam ucapannya ketika membentangkan usul itu, beliau antara lain mengatakan:

"In line the state Government's policy of modernizing our laws and legislation, this Bill seeks to streamline the administration of Muslim Affairs in the state of Sabah. As Honourable Members are fully aware, the legislation enacted during the Colonial Regime is indeed very rudimentary".<sup>5</sup>

Usul tersebut telah diterima Dewan Negeri tanpa apa-apa bangkangan. Ini bermakna Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Sabah Bil. 15/1971 juga telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri di mana MUIS telah menjalankan aktivitinya dan beroperasi di bawah enakmen ini dan penubuhannya juga telah diperuntukan di bawah seksyen 3 enakmen ini.

Kira-kira dua bulan kemudian iaitu pada 15 September 1971, MUIS telah ditubuhkan dan upacara perasmianya telah dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Tun Datu Mustapha Bin Datu Harun, Ketua Menteri Sabah merangkap Yang Di-Pertua Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA) pada 26 April 1972.<sup>6</sup>

Dengan penubuhan MUIS melalui seksyen 3 EPHSNS 15/1971, pentadbiran hal ehwal Islam di negeri ini telah diselenggarakan oleh MUIS dan aktivitinya dapat diperluaskan dengan lebih berkesan. Sungguhpun demikian tidak dapat dinafikan banyak kes-kes jenayah/sivil orang-orang Islam tidak dapat diselesaikan oleh MUIS. Sebenarnya inilah juga antara masalah yang besar yang telah dihadapi oleh orang-orang Islam sebelum ini dan mengharapkan dengan tertubuhnya MUIS ianya akan dapat diatasi dan diselesaikan. Nampaknya MUIS gagal menyelesaikan kes-kes jenayah/sivil orang-orang Islam setiap kali kes-kes berkenaan dibawa kepadanya untuk diselesaikan. Kegagalan ini adalah disebabkan EPHSNS Bil. 15/1971 tiada memberi apa-apa peruntukan berhubung dengan penubuhan Mahkamah Syariah yang akan memutuskan kes-kes

jenayah mahu pun sivil orang-orang Islam di negeri ini. Ekoran daripada itu, orang-orang Islam terpaksaalah membawa kes-kes mereka ke Mahkamah Anak Negeri untuk diselesaikan.<sup>7</sup> Sungguhpun kes-kes berkenaan telah diputuskan oleh Mahkamah berkenaan, tetapi kebanyakan keputusan dan hukumannya adalah berdasarkan kepada adat dan selalunya jauh menyimpang dari kehendak hukum syarak. Keadaan ini menimbulkan suasana yang memilukan umat Islam di mana pada ketika mereka memerlukan sebuah organisasi seperti MUIS untuk menyelesaikan kes-kes mereka, dalam masa yang sama MUIS tidak dapat berbuat apa-apa dan membiarkan kes-kes berkenaan diselesaikan oleh institusi yang hanya memutuskan kes-kes berdasarkan hukum adat.

## 2. ENAKMEN PENTADBIRAN HUKUM SYARAK BIL. 15/1977

Sejak zaman penjajah dan selepas merdeka hingga pada tahun 1977, kes-kes Mahkamah yang melibatkan orang-orang Islam seperti perceraian suami isteri, tuntutan nafkah dan sebagainya adalah dikendalikan oleh Mahkamah Anak Negeri.<sup>8</sup> Mahkamah tersebut berpandukan kepada undang-undang ciptaan penjajah dan adat istiadat. Sistem ini sudah tentu tidak dapat memberikan keadilan mengikut kehendak dan lunas-lunas Islam (hukum syarak).

Keadaan ini bertambah buruk lagi apabila kes-kes yang telah diputuskan oleh Ketua Anak Negeri (KAN) dirujuk kepada

Pegawai Daerah kawasan di mana kes tersebut dibicarakan. Apabila kes berkenaan dibawa kepada Pegawai Daerah, keputusan Pegawai Daerah adalah muktamad. Adalah tidak mustahil keputusan atau tindakan yang dibuat oleh Pegawai berkenaan bertentangan dengan lunas-lunas Islam (hukum syarak) sekali-pun pegawai berkenaan seorang yang beragama Islam.<sup>9</sup>

Menyedari hakikat ini, kewujudan Institusi Keadilan Islam (Mahkamah Syariah) amatlah perlu dan diharapkan masyarakat Islam di negeri ini. Kewujudan lebih mendesak apabila ada antara KAN yang beragama Islam telah menjalankan perbicaraan kes-kes orang Islam dan kerap kali kes-kes tersebut diputuskan bertentangan dengan hukum syarak. Ini memperlihatkan bahawa kewibawaan Mahkamah Anak Negeri (Native court) serta Ketua-ketua Anak Negeri sekalipun mereka seorang yang beragama Islam, tetapi mereka tidak dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh orang-orang Islam di negeri ini.<sup>10</sup>

Meskipun MUIS berjaya diwujudkan melalui EPHSNS Bil. 15/1971, tetapi kewujudannya belum dapat memenuhi kehendak dan aspirasi masyarakat Islam pada masa itu. Sebabnya seperti diterangkan sebelum ini iaitu Enakmen berkenaan (bil. 15/1971) tidak memberi apa-apa peruntukan bagi penubuhan Mahkamah Syariah dan perlantikan Kadi-kadi.<sup>11</sup> Bagaimanapun atas kesedaran pemimpin-pemimpin Islam ketika itu disamping desakan masyarakat Islam sendiri atas beberapa masalah yang telah dinyatakan di atas, maka satu Institusi Keadilan Islam (Mahkamah Syariah) mestilah diwujudkan segera.

Tujuannya adalah untuk menyelesaikan kes-kes orang Islam agar mendapat keadilan sewajarnya dan tidak lagi dibicarakan oleh ketua-ketua Anak Negeri yang sering menimbulkan berbagai masalah dan kontroversi yang bukan sahaja tidak boleh menegakkan keadilan bahkan keputusan mereka kerap kali bercanggah dengan hukum syarak.<sup>12</sup>

Untuk memenuhi hasrat ini, pada 23 Disember 1977, EPHSNS Bil. 15/1977 telah diluluskan Dewan Undangan Negeri Sabah bagi menggantikan Enakmen Bil. 15/1971 yang serba kekurangan dan tidak memasukkan beberapa peruntukan penting seperti penubuhan mahkamah dan perlantikan kadi-kadi.

Enakmen Bil. 15/1977 telah memperuntukan penubuhan Mahkamah Syariah. Mahkamah Syariah Negeri Sabah mula beroperasi dalam bulan Februari 1978. Sejak penubuhannya, Negeri Sabah telah menjalani suatu era baru dalam sistem pentadbiran undang-undang Islam bagi memenuhi kehendak dan hasrat majoriti umat Islam di negeri ini. Namun demikian Mahkamah Syariah tidak terlepas daripada beberapa masalah dan terpaksa pula berhadapan dengan Mahkamah Anak Negeri khususnya menentukan had-had bidangkuasa masing-masing. Ini ekoran daripada arahan Jabatan Ketua Menteri kepada Pegawai-pejawai Daerah berhubung dengan bidangkuasa Mahkamah Anak Negeri.<sup>13</sup>

Bidangkuasa Mahkamah Syariah adalah jelas iaitu semua kes-kes yang melibatkan pihak-pihak yang beragama Islam dan